

Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035

Pilihan masuk prasekolah secara rasmi usia 5 tahun

Perubahan had umur termasuk Tahun Satu usia enam tahun belum diwajibkan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ibu bapa mempunyai pilihan untuk menghantar anak masing-masing memasuki pendidikan prasekolah secara rasmi mulai usia lima tahun bermula tahun hadapan dan memasuki persekolahan Tahun Satu mulai usia enam tahun.

Perubahan had usia kanak-kanak memasuki alam persekolahan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika berucap melancarkan Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 di sini, semalam.

Namun, Perdana Menteri menjelaskan, perubahan had usia itu belum diwajibkan kepada semua kanak-kanak, sebaliknya bagi memberi ruang kepada pelbagai pihak bersedia kepada persekitaran baru pendidikan, khususnya warga pendidik.

"Maknanya mulai tahun depan, (biarpun) kita belum bersedia mewajibkan kerana mungkin ada ibu bapa yang rasa anak-anaknya belum bersedia, (maka) kita tetapkan masih boleh masuk darjah satu (pada usia) tujuh tahun.

"Tetapi kita galakkan ibu bapa yang bersedia daripada se-



Anwar merasmikan Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 sambil diperhatikan Ahmad Zahid, Fadillah, Fadlina dan Zambry di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

karang, supaya anak umur lima tahun masuk prasekolah. Prasekolah sekarang ini kita beri tumpuan, seluruh sistem prasekolah itu kita sudah minta Kementerian Pendidikan (KPM) ambil alih dan selaraskan," katanya.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Pendidikan, Fadlina Sidek; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta beberapa menteri Kabinet lain.

Anwar berkata, persiapan segera perlu dilakukan KPM dalam menerima perubahan kepada sistem baru pendidikan negara.

"Sebab tu saya arah mulai sekarang hal yang diumumkan itu (memerlukan) tindakan cepat dan segera oleh kementerian dan

Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi untuk pastikan kemudahan asas itu ditambah.

"Kalau tanya unjuran KPM semua 2029, 2030. Jadi saya kata bagus, cuma kerana saya yakin dengan keupayaan kedua-dua kementerian ini, semua kita akan percepatkan. Semua 'fast track' kerana negara ini mampu menjadi negara yang berjaya," katanya.

Sistem Matriks Pembelajaran Malaysia

Perdana Menteri berkata, menerusi Rancangan Pendidikan itu juga, mulai tahun ini, kerajaan mengembalikan Sistem Matriks Pembelajaran Malaysia iaitu penilaian atau peperiksaan yang dikendalikan Lembaga Peperiksaan secara berpusat untuk pelajar Tahun Empat dan Ting-

katan Tiga.

Beliau berkata, Pengukuran Pembelajaran Tahun Empat dilaksanakan mulai tahun ini dengan membabitkan empat mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Katanya, menerusi pengukuran ketika berada dalam Tahun Empat, ia memberi tempoh dua tahun iaitu sepanjang Tahun Lima dan Enam untuk memperbaiki kelemahan yang dikesan pada anak-anak terbabit sebelum memasuki Tingkatan Satu.

"Pada peringkat menengah, Pengukuran Pembelajaran Tingkatan Tiga pula bermula pada 2027 dengan membabitkan lima mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah," katanya.